



UNTUK SIARAN SEGERA
21 OKTOBER 2021

RAKAN KORPORAT MSD 2021 TAJA HADIAH BERNILAI LEBIH RM500,000

Acara literasi kewangan utama PNB akan bersiaran secara langsung setiap hari, dengan pelbagai program kolaborasi bersama rakan-rakan strategik

KUALA LUMPUR, 21 Oktober 2021 – Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan penganjuran Minggu Saham Digital (MSD) dengan tema **#LaburBersama** dari 17 hingga 23 November 2021, lanjutan kejayaan MSD pada 2020. PNB turut mengumumkan rakan strategik MSD 2021 di Majlis Pra Pelancaran MSD 2021 hari ini, yang terdiri daripada tiga kategori iaitu Rakan Premier, Rakan Utama dan Rakan.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, “PNB berbesar hati menganjurkan Minggu Saham Digital 2021 yang bakal bersiaran bulan depan dari 17 hingga 23 November 2021, berikutan sambutan menggalakkan yang diterima pada MSD yang julung kali diadakan tahun lalu dengan lebih dua juta tontonan.”

“Fokus PNB adalah mencipta nilai dan menghasilkan pulangan lestari jangka panjang untuk pemegang unit. Usaha ini seiring dengan komitmen kami meningkatkan standard literasi kewangan dan memperkasakan rakyat Malaysia membuat keputusan kewangan yang lebih baik demi masa depan mereka. Selaras objektif Minggu Saham Amanah Malaysia, MSD kekal sebagai platform literasi kewangan bersepadu PNB untuk mencapai matlamat ini.”

RAKAN PREMIER



RAKAN UTAMA



RAKAN



17 - 23 Nov 2021
#LaburBersama

minggusahamdigital.com.my

[f](https://www.facebook.com/minggusahamdigital) [i](https://www.instagram.com/minggusahamdigital) [d](https://www.tiktok.com/@minggusahamdigital) @minggusahamdigital

[▶](https://www.youtube.com/watch?v=...) Minggu Saham Digital



RAKAN PREMIER



RAKAN UTAMA



RAKAN



17 - 23 Nov 2021
#LaburBersama

minggusahamdigital.com.my

[f](#) [i](#) [d](#) @minggusahamdigital

[▶](#) Minggu Saham Digital

Ahmad Zulqarnain turut menzahirkan penghargaan PNB atas sokongan berterusan rakan strategik MSD. Tambahnya, “Penglibatan rakan strategik MSD merangkumi penganjuran pelbagai program sepanjang MSD, juga penajaan pelbagai hadiah menarik bagi peraduan yang akan disediakan. Peraduan utama, **Jom... Kira Duit** menawarkan hadiah sebuah kereta Hyundai Kona tajaan Sime Darby Berhad, sebuah kereta Toyota Yaris tajaan UMW Holdings Berhad, sebuah kereta Perodua Ativa tajaan PERODUA, dan juga motosikal Honda Dash 125 tajaan MIDF, serta hadiah-hadiah lain yang bernilai lebih RM500,000.”

Turut hadir secara maya di majlis tersebut adalah wakil-wakil para penaja. Dalam kategori *Rakan Premier*, Datuk Abdul Farid Alias, Presiden Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Maybank; Mohamad Helmy Othman Basha, Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Plantation Berhad; dan Dato’ Ahmad Fuaad Kenali, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMW Holdings Berhad.

Mewakili Rakan Utama adalah Dato’ Charon Wardini Mokhzani, Pengarah Urusan Kumpulan, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF); Dato’ Zainal Abidin Ahmad, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA); Datuk Choong Kai Wai, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, S P Setia Berhad; Mustamir Mohamad, Ketua Pegawai Kewangan, Kumpulan Sime Darby Berhad; dan Dato’ Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan, Sime Darby Property Berhad.

Manakala untuk kategori Rakan, mereka yang hadir adalah Leonard Ariff Abdul Shatar, Pengarah Urusan, Kumpulan Duopharma Biotech Berhad; Zaharudin Daud, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan MNRB Holdings Berhad; dan



Dato' Mohammad Azlan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Projek Lintasan Kota Sdn Bhd (PROLINTAS).

Turut serta sebagai Rakan Acara bagi MSD 2021 adalah Attana Hotels & Resorts, Jewel Digital Ventures Sdn Bhd, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, Raiz Malaysia dan Asia School of Business.

MSD adalah adaptasi digital Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang telah dianjurkan secara fizikal selama dua dekad semenjak tahun 2000 hingga 2019. Acara digital tersebut kini dapat diakses khalayak ramai di mana jua mereka berada dari keselesaan kediaman sendiri dan semudah sentuhan di hujung jari.

Mulai esok, 22 Oktober 2021, orang ramai sudah boleh menyertai peraduan utama MSD 2021 iaitu **Jom... Kira Duit**, yang mana para peserta perlu mencari dan mengumpul #SyilingMSD yang akan dipaparkan di pelbagai platform. Setiap #SyilingMSD mempunyai nilai tersendiri dan peserta perlu memasukkan nilai yang betul di laman web MSD untuk berpeluang memenangi hadiah utama. Peraduan ini juga akan merangkumi elemen Ringgit Emas yang mana lima (5) peserta yang menyerahkan nilai #SyilingMSD yang tepat dan terpentas memenangi motosikal Honda Dash 125. Di samping itu, 2,400 pendaftar bertuah bakal memenangi e-baucar melalui cabutan bertuah yang akan diadakan setiap hari. Turut dianjurkan ialah Kuiz harian 'Live Trivia', yang mana setiap 19 episod program MSD 2021 ini menawarkan peluang kepada 10 penonton untuk memenangi e-baucar. Untuk menyertai program dan peraduan yang ditawarkan sepanjang MSD 2021, rakyat Malaysia dijemput melayari laman web rasmi MSD di www.minggusahamdigital.com.my.

RAKAN PREMIER



RAKAN UTAMA



RAKAN



17 - 23 Nov 2021
#LaburBersama

minggusahamdigital.com.my

@minggusahamdigital

Minggu Saham Digital



MSD 2021 akan disiarkan secara langsung setiap hari melalui laman rasmi [Facebook](#) dan [YouTube](#) MSD dari **17 hingga 23 November 2021**, mulai **12.30 tengah hari hingga 10.00 malam** yang menampilkan lebih 70 program hiburan didik, bual bicara dan webinar oleh pakar bidang khusus, personaliti dan selebriti.

Majlis Pelancaran Rasmi MSD 2021 dijadualkan berlangsung pada 18 November 2021 (hari kedua MSD 2021), pukul 1.00 tengah hari melalui *live streaming* di laman rasmi Facebook dan YouTube Minggu Saham Digital.

- TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

RAKAN PREMIER



RAKAN UTAMA



RAKAN



17 - 23 Nov 2021
#LaburBersama

minggusahamdigital.com.my

[f](#) [i](#) [t](#) @minggusahamdigital

[v](#) Minggu Saham Digital